

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 30 JANUARI 2024  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 28

IHPR pada Disember 2023 turun kepada -1.3 peratus

# IHPR pada Disember 2023 turun kepada -1.3 peratus

Semua sektor catat penurunan kecuali pertanian, perhutanan dan perikanan

Oleh Hazwan Faisal Mohamad  
hazwanfaisal@bkh.com.my

Indeks Harga Pengeluar Malaysia (IHPR) yang mengukur harga barang di pintu kilang, terus merekodkan penurunan kepada -1.3 peratus pada Disember 2023 berbanding -1.5 peratus pada November 2023, demikian menurut Jabatan Perangkaan

Malaysia (DOSM).

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata penurunan ini disebabkan oleh sektor perlombongan yang menurun sebanyak -3.4 peratus disebabkan oleh penurunan kedua-dua indeks pengekstrakan gas asli (7.8 peratus) dan pengekstrakan petroleum mentah (-1.9 peratus).

Beliau berkata, sektor pembuatan terus turun -1.5 peratus berbanding -1.4 peratus pada November 2023, disebabkan oleh indeks pembuatan kok & petroleum bertapis (-12.3 peratus) dan pembuatan produk makanaan (4.2 peratus).

Katanya, sektor bekalan elektrik & gas juga turun -0.6 peratus, sama seperti bulan sebelumnya.

"Sebaliknya, sektor pertanian, perhutanan & perikanan meningkat

kat 1.3 peratus selepas penurunan -0.4 peratus pada November 2023 disebabkan oleh kenaikan dalam indeks pengeluaran ternakan (6.3 peratus) dan perikanan (3.8 peratus).

"Pada masa sama, indeks bekalan air juga meningkat 0.4 peratus pada bulan berkenaan," katanya dalam satu kenyataan.

#### Sektor pembuatan susut

Beliau menambah, pada asas bulanan, IHPR pengeluaran tempatan terus menurun -0.2 peratus pada Disember 2023 berbanding -0.7 peratus pada bulan sebelumnya.

Katanya, kecuali sektor pertanian, perhutanan & perikanan yang kekal tidak berubah, semua sektor lain mencatatkan penurunan pada bulan berkenaan.

"Sektor perlombongan jatuh -1.6 peratus dengan indeks pengekstrakan petroleum mentah (-5.1 peratus) mencatatkan penurunan.

"Pada masa sama, sektor pembuatan susut -0.1 peratus, dipengaruhi oleh indeks pembuatan kok & produk petroleum bertapis (-1.8 peratus) dan pembuatan produk makanan (-0.4 peratus).

"Bagi sektor utiliti, indeks bekalan elektrik & gas dan bekalan air masing-masing menurun sebanyak -0.3 peratus dan -0.4 peratus," katanya.

Mohd Uzir berkata, pasaran komoditi pada suku tahun keempat 2023 baik disebabkan oleh permintaan global dan bekalan yang mencukupi yang mengekang kenaikan harga untuk 2024.

Beliau berkata, pengeluaran minyak sawit mentah (MSM) Ma-

 Pasaran komoditi pada suku tahun keempat 2023 baik disebabkan oleh permintaan global dan bekalan yang mencukupi yang mengekang kenaikan harga untuk 2024.

Mohd Uzir Mahidin,  
Ketua Perangkawan  
Malaysia



laysia juga lebih tinggi pada suku tahun berkenaan berbanding tempoh yang sama 2022, yang membawa kepada penyederhanaan harga minyak sawit mentah.

Katanya, Fitch Ratings meraalkan harga penanda aras minyak sawit mentah Malaysia berada pada purata sekitar AS\$650 satu tan pada 2024 disebabkan oleh bekalan yang lebih tinggi, jauh lebih rendah daripada sekitar AS\$840 satu tan pada 2023.